

# BANK DAGANG TERUS MAINKAN PERANAN — PM

JITRA, 3 Jun — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bank-bank perdagangan terus memainkan peranan penting di negara ini terutama dalam bidang memberi pinjaman walaupun Bank Islam akan wujud.

Ini, katanya memandangkan adalah sukar bagi Bank Islam untuk memenuhi keperluan umat Islam seluruhnya.

Penubuhan Bank Islam akan dilancarkan sendiri oleh Datuk Sri Dr. Mahathir di Kuala Lumpur pada 1 Julai depan.

Berucap di upacara

UM 4 JUN 1983  
P "Walaupun Bank Islam akan wujud"

perasmian Kompleks UMNO Bahagian Kubang Pasu berharga \$1.3 juta dan Bank Bumiputra cawangan Jitra di sini petang ini, beliau menegaskan adalah sukar bagi Bank Islam untuk memenuhi keperluan umat Islam seluruhnya terutama dari segi memberi pinjaman.

Turut hadir di majlis tersebut ialah isteri Perdana Menteri, Datin Sri Dr. Siti Hasmah, Pengerusi Bank Bumiputra, Dr. Nawawi Mat Awin, Menteri Besar Kedah, Datuk Sri Syed Nahar

Shahabuddin dan isteri.

Perdana Menteri selanjutnya berkata, apa yang harus disedari bank-bank perdagangan telah dapat memainkan peranan untuk menghapuskan peminjam-peminjam seperti ceti dan sistem padi kunca.

Beliau menyebut sistem padi kunca pada satu masa dulu menyebabkan banyak tanah orang Melayu tergadai dan lalap begitu sahaja.

Menurutnya, bank-bank sedia memberi pinjaman asalkan bakal peminjam mempunyai ran-

cangan yang mantap atau viable.

"Ini perlu kerana bank-bank tidak berniat mengambil tanah-tanah itu tetapi mahukan hutang itu dibayar balik," jelasnya.

Perdana Menteri juga menyebut banyak tohmah-tohmah telah dilemparkan terhadap kegiatan bank di negara ini, kononnya bank-bank itu mengenakan riba.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga selaku Presiden UMNO sebaliknya menyatakan bahawa perkara ini bukanlah masalah agama tetapi lebih merupakan isu politik semata-mata yang sengaja ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu.